



PEKELILING NAIB CANSELOR BIL. 5/2020

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof/Prof Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

COVID-19: PELAKSANAAN KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI PADA 13 MEI 2020

- **Perkhidmatan Kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan seluruh negara beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam sebanyak 70 peratus**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyambut baik keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Mei 2020 mengenai perkhidmatan Kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan seluruh negara beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam sebanyak 70 peratus. Langkah ini dilihat sebagai menyokong pertumbuhan semula ekonomi negara dan menjamin produktiviti setiap agensi.

3. Pada masa yang sama pihak pengurusan turut menitikberatkan faktor keselamatan dan kesihatan staf sewaktu berada di pejabat. Di samping itu, perhatian turut diberikan terhadap kekangan yang dihadapi oleh staf yang mempunyai anak kecil memandangkan sekolah dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) masih belum dibuka.

4. Sehubungan itu pada 14 Mei 2020, pihak pengurusan telah mendapatkan pandangan ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mengenai perkara ini. Setelah menimbang dengan penuh teliti, LPU secara prinsipnya bersetuju **UKM beroperasi sepenuhnya mulai 18 Mei 2020 TERTAKLUK** kepada pematuhan syarat-syarat seperti berikut:

- Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan keberadaan staf di pejabat pada jumlah yang munasabah (sehingga 70 peratus guna tenaga). Ketua PTj adalah bertanggungjawab untuk menyediakan jadual kehadiran atau penggiliran staf bagi tujuan ini;

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncuکم@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

- ii. Ketua PTJ adalah bertanggung jawab sepenuhnya memastikan premis masing-masing adalah terkawal daripada penularan wabak COVID-19. Bagi tujuan ini **Garis Panduan Bekerja** yang dikeluarkan oleh UKM seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Naib Canselor Bil.4/2020 Rujukan: UKM.PNC.100-1/3/1 bertarikh 2 Mei 2020 adalah terpakai;
- iii. Bagi staf yang terdiri daripada kumpulan berisiko tinggi seperti berikut boleh memohon kepada Ketua PTJ untuk dipertimbangkan bekerja dari rumah:
 - a. mempunyai penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, asthma dan lain-lain yang disahkan oleh pegawai/pakar perubatan;
 - b. mempunyai simptom ILI (*influenza like illness*) – selsema, batuk, demam dan sakit tekak; dan
 - c. ibu mengandung
- iv. Bagi staf yang bertugas melalui kaedah bekerja dari rumah, **Garis Panduan Bekerja dari Rumah (Work from Home) Siri 4/2020 UKM** adalah terpakai.

Semua warga adalah dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri masing-masing. Kita mampu untuk membendung penularan wabak COVID-19 ini sekiranya setiap individu mengamalkan disiplin sosial yang tinggi. Ia memerlukan kita untuk lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan penyampaian perkhidmatan di UKM berterusan dan memenuhi piawaian yang ditetapkan. Saya mengalu-alukan kehadiran semua staf ke Kampus dengan mengadaptasi normal baharu ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DATO' Ir. DR. MOHD HAMDI ABD SHUKOR

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel: ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori